

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

SOALAN NO. 326

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Manjung, Perak untuk menjayakan

- (a) cadangan Taman Awam di Pekan Sitiawan atas tanah Kerajaan seluas 18.71 ekar; dan
- (b) pembangunan semula Pasar Awam, Jalan Senawi, Sitiawan dan Pelan Pembangunan Semula Pekan Beruas sebagai Pekan Warisan Gangga Negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Beruas, bagi cadangan pembangunan Taman Awam Baru di Sitiawan, Perak, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) ada menerima permohonan daripada pihak Majlis Perbandaran Manjung, Perak. JLN akan membuat penilaian kesesuaian tapak untuk diangkat bagi tujuan kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat. Berdasarkan kepada garis panduan JLN, luas kawasan minima untuk taman awam adalah 20 ekar.

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), cadangan pembangunan semula Pasar Awam, Jalan Senawi, Sitiawan, Perak akan dipertimbangkan oleh pihak KPKT untuk diangkat dalam permohonan peruntukan *Rolling Plan* yang akan datang.